




Universiti  
Malaysia  
PAHANG  
Engineering • Technology • Creativity



*Perhimpunan Warga*

Universiti Malaysia Pahang Bersama  
YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia


*& Majlis Perasmian*

Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur



Tarikh : 28 Februari 2009 (Sabtu) Masa : 9:00 pagi  
Tempat : Dataran Canseleri, UMP





# *Kata Alu-Aluan*

**TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat izin-Nya, maka saya dapat bersama-sama dengan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan masyarakat sempena Perhimpunan Warga UMP Bersama YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Majlis Perasmian Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur.

Sejak kemerdekaan, kerajaan Malaysia sentiasa memberikan perhatian dan tumpuan yang besar terhadap perkembangan dan pembangunan sektor pendidikan di negara ini. Selain itu, kemakmuran dan keamanan yang dinikmati selama ini juga memberi ruang yang amat luas bagi kerajaan merangka strategi dan inisiatif pemerkasaan pengajian tinggi di negara ini.

Justeru, kestabilan politik dan ekonomi yang dikecapi pada hari ini perlulah dikekalkan bagi membolehkan tumpuan khusus terhadap pembangunan infrastruktur dan prasarana pengajian tinggi, pengambilan dan latihan tenaga akademik yang berkualiti serta penjana modal insan yang kompeten dan kompetitif terus berkesinambungan. Komitmen kerajaan dalam konteks ini telah terbukti dan seharusnya dihargai oleh warga UMP dan seluruh rakyat Malaysia.


Penganjuran Perhimpunan Warga UMP Bersama YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Majlis Pelancaran Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur pada hari ini amatlah tepat pada masanya. Saya percaya masyarakat di Negeri Pahang Darul Makmur dan Pantai Timur akan memberikan sokongan dengan memeriahkan acara-acara pengisian sepanjang Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur yang diadakan ini.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak atas inisiatif dan usaha yang telah digembleng bagi menjayakan majlis ini.

Sekian, wassalam,

**DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK**





## Kata Alu-Aluan

MENTERI BESAR PAHANG

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.

Saya ucapkan tahniah kepada kepimpinan dan kakitangan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) kerana menganjurkan Perhimpunan Warga UMP Bersama YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia serta Perasmian Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur ini.

Pengajuran perhimpunan dan karnival di UMP ini adalah bertepatan sekali apatah lagi dengan kehadiran YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sendiri.

Dato' Sri Mohd Najib pula saya difahamkan, ialah pelopor kepada penubuhan dan pembangunan UMP sejak 11 tahun lepas, maka kehadiran beliau hari ini sudah tentu amat bermakna sekali.

Saya ingin mengambil kesempatan ini menyarankan agar pelajar-pelajar sekalian mengambil kesempatan sepenuhnya daripada pengajuran perhimpunan dan karnival ini.

Banyak yang boleh dipelajari daripada pengajuran kedua-dua acara besar ini yang saya percaya, dapat dijadikan bekalan ilmu yang berguna untuk meneruskan pengajian mahupun apabila memasuki pasaran tenaga kelak.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**DATUK SRI ADNAN BIN HAJIYAAKOB**



## Kata Alu-Aluan

MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Bagi pihak seluruh warga Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Pahang, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri kita ke Majlis Perasmian Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur dan juga Perhimpunan Warga UMP pada hari ini.

Kesudian dan kesediaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk bertemu dengan warga UMP dan seterusnya melancarkan Karnival Pengajian Tinggi Negara bagi Zon Timur ini merupakan satu penghormatan yang sangat tinggi bagi kita semua dan ini juga menunjukkan keperihatinan Yang Amat Berhormat terhadap gerak kerja yang telah kita lakukan selama ini dalam usaha kita untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pendidikan tinggi kepada generasi akan datang.

Saya berasa sangat gembira dan bersyukur kerana karnival ini telah bergerak ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dan telah mendapat sambutan yang sangat mengalakkan daripada masyarakat. Kita mendoakan agar sambutan yang sama akan diberikan kepada karnival di Zon Timur ini.

Karnival ini adalah merupakan satu program pusat sehenti untuk para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi meninjau peluang, tempat dan tawaran kemasukan yang terdapat di IPT-IPT tempatan selain mendapatkan seberapa banyak maklumat mengenai kursus yang mereka minati. Ini sekaligus membantu mereka untuk membuat pilihan yang tepat dalam memilih mana-mana institusi dan membantu dalam membuat pilihan kursus di institusi pilihan mereka.

Pada masa yang sama, karnival ini juga merupakan platform terbaik kepada semua IPT tempatan untuk bukan sahaja mempromosi tempat dan peluang melanjutkan pelajaran yang mereka ada, tetapi dijadikan sebagai peluang untuk mereka menarik seberapa banyak pelajar ke IPT masing-masing.

Bagi pihak Kementerian, karnival ini merupakan satu langkah proaktif ke arah mendekati masyarakat atau *outreach* melalui usaha-usaha promosi seperti yang diadakan pada hari ini. Inilah komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Kementerian untuk membantu secara langsung menjayakan Misi Nasional iaitu memperkasa sektor pengajian tinggi negara.

Semoga program sepertimana karnival ini membantu kita mencapai matlamat tersebut.

Tahniah dan selamat maju jaya.

**DATUK SRI MOHAMED KHALED BIN NORDIN**





## Kata Alu-Aluan

NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Selamat datang ke Universiti Malaysia Pahang!

Penganjuran Perhimpunan Warga Universiti Malaysia Pahang Bersama YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Majlis Perasmian Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur pada hari ini adalah amat besar ertinya kepada universiti ini.

UMP menyedari bahawa perkembangan pesat sektor pengajian tinggi negara dan cabaran globalisasi menuntut warga universiti ini untuk berusaha dengan lebih proaktif dalam kerangka minda dan tindakan yang progresif atas jajaran strategik bagi memenuhi aspirasi Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Atas kesedaran ini, maka UMP telah memulakan inisiatif Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran bagi merekayasa kaedah pengurusan dan birokrasi yang dilaksanakan di universiti ini supaya lebih kontemporari dan dinamik dengan membuka lebih ruang kepada para pelaksana dasar di universiti ini berinovasi dan berkeaktiviti untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan.

Sehubungan itu, UMP akan terus komited memacu kecemerlangan dan meningkatkan kualiti melalui budaya kerja yang berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi. Dalam hubungan ini juga, UMP sentiasa komited untuk mengekalkan keharmonian kerjasama dengan Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi membolehkan universiti ini terus bergerak maju seiring wawasan negara.

Warga UMP mengalu-alukan kehadiran YAB Timbalan Perdana Menteri, YAB Menteri Besar Pahang dan YB Menteri Pengajian Tinggi serta para dif dan pengunjung ke majlis ini. Kepercayaan yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi kepada UMP untuk menjadi tuan rumah Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur amat dihargai oleh warga universiti ini.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat.

PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM

## Atur Cara

Perhimpunan Warga Universiti Malaysia Pahang  
Bersama YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia  
& Majlis Perasmian Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur

- 9:00 pagi : Ketibaan Dif-Dif Jemputan
- 9:05 pagi : Ketibaan Yang Hormat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang dan Isteri
- 9:10 pagi : Ketibaan Yang Hormat Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Isteri
- 9:30 pagi : Ketibaan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan Isteri
- 9:35 pagi : Ketibaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Isteri
- 9:40 pagi : Ketibaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Isteri
- : Taklimat Tertutup kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Dewan Senat, Universiti Malaysia Pahang
- 10:30 pagi : Ketibaan Timbalan Perdana Menteri Malaysia ke Perhimpunan Warga Universiti Malaysia Pahang Bersama YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia & Majlis Pelancaran Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur
- : Nyanyian Lagu Negaraku
- : Nyanyian Lagu Universiti Malaysia Pahang
- : Bacaan Doa oleh Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Pahang
- : Ucapan Alu-Aluan Yang Hormat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang
- : Ucapan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
- : Ucapan Perasmian oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia
- : Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman
- : Lawatan ke Pameran Karnival Pengajian Tinggi Negara
- 12:30 tengah hari : Jamuan Tengah Hari
- : Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Isteri Meninggalkan Majlis
- : Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Isteri Meninggalkan Majlis
- : Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan Isteri Meninggalkan Majlis
- : Majlis Bersurai



## Universiti Malaysia Pahang

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bermula dengan Universiti Teknologi Malaysia Kampus Cawangan Pahang (UTM-KCP) yang beroperasi di sebuah kampus yang terletak di Bandar Indera Mahkota, Kuantan sejak tahun 1999. Penubuhan universiti ini adalah hasil daripada cetusan idea YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak yang pada ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan Malaysia.

Hasil daripada usaha gigih beliau, Jemaah Menteri pada 26 Jun 2001 telah membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah Universiti Teknikal Awam yang berasaskan kemahiran di Negeri Pahang Darul Makmur dan dinamakan sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM). KUKTEM adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-16 yang diwartakan pada 16 Februari 2002 dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Atas arahan Kementerian Pendidikan, kampus UTM-KCP telah diambil alih dan dijadikan kampus sementara KUKTEM pada 1 Mei 2002 dan memulakan Sesi Akademik 2002/2003 dengan mengambil seramai 313 orang pelajar pada 30 Mei 2002.

Pada peringkat permulaan, KUKTEM telah menawarkan program dalam bidang Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli dan juga Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian.

Bagi menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat, KUKTEM telah berpindah ke kampus sementara yang lebih besar dan kondusif di Bandar MEC, Gambang pada 24 April 2003. Kampus yang terletak kira-kira 30 kilometer dari pusat Bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 65,000 meter persegi dan terletak di lokasi strategik yang berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur.

Kampus tetap UMP akan beroperasi di Kuala Pahang, Pekan. Pembangunan kampus tersebut kini sedang di dalam pembinaan dan fasa pertama dijangka setiap pada penghujung tahun 2009. Kampus seluas 745.6 ekar itu boleh menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf.

Setelah lima tahun beroperasi, pihak Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pertukaran nama KUKTEM kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkuat kuasa mulai 1 Februari 2007. Dengan pertukaran ini, nama KUKTEM kini dikenali sebagai UMP. Walaupun telah bertukar nama, bidang fokus utama universiti dan program pengajian serta enrolmen tidak berubah mengikut matlamat tujuan penubuhannya iaitu mencapai 10,000 hingga 15,000 orang pelajar. UMP turut mengekalkan bidang-bidang fokus sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

Tujuan utama penubuhan UMP ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- Kejuruteraan Kimia;
- Bioteknologi Industri;
- Kejuruteraan Automotif; dan
- Kejuruteraan Pembuatan

### Konsep dan Ciri-Ciri Utama

Kerajaan menubuhkan beberapa kolej universiti teknikal yang sepatutnya menawarkan program pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis.
- Berteraskan gunaan dan kemahiran (*applied and skilled*).
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali (*teaching factory*).
- Melibatkan pembelajaran secara aktif (*experiential and action learning*).
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri (*task oriented and problem solving*).
- Mengamalkan budaya kerja (*work culture*) cemerlang.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, *Soft Skills* dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran (*teaching factory*). Ini bermakna – di samping latihan industri – para pelajar didedahkan juga cara menggunakan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar (*student centered learning*).

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P). UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan sendiri bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan ke peringkat antarabangsa.

Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 14 program doktor falsafah, 18 program sarjana, 21 program ijazah sarjana muda, dan lapan program diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh tujuh fakulti berikut:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA);
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP);
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM);
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA);
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT); dan
- Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Di samping tujuh fakulti tersebut, UMP juga mempunyai tiga buah pusat iaitu Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED). Selain itu, UMP juga mempunyai dua buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Kecemerlangan Automotif dan Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam.



## Misi Korporat

### Visi

Menjadi universiti teknikal bertaraf dunia.

### Misi

Kami menyediakan pendidikan teknikal berkualiti tinggi melangkaui kehendak pihak berkepentingan dengan menawarkan program akademik yang cemerlang melalui persekitaran kondusif bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi.

### Falsafah

Kepercayaan bahawa ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah untuk dimanfaatkan. Penekanan kepada ilmu gunaan yang dipraktikkan oleh insan berakhlak akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

### Nilai Teras

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.



## Latar Belakang

### Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur

Program Pendidikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Bersama Rakyat merupakan program tahunan KPT dan telah dilaksanakan semenjak tahun 2005 berdasarkan maklum balas positif yang diterima daripada kaunselor, pendidik, pelajar, ibu bapa, masyarakat umum dan *stake holders* lain. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

KPT telah menggunakan *tagline* "JOM MASUK U" bagi memotivasikan para pemohon untuk mendapatkan maklumat tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi di Malaysia.

### Objektif

Objektif program adalah menjadi Pusat Seheni (*One Stop Centre*) bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti pemohon, ibu bapa, guru dan komuniti setempat untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi dan pembiayaan bagi Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf;

- Program ini juga ingin mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian;
- Menyampaikan maklumat mengenai pelaksanaan dasar pemilihan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum;
- Menerangkan kaedah permarkahan kokurikulum berasaskan sekolah yang diselarasikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi permohonan kemasukan ke IPTA;
- Mempromosi dan menyebarkan maklumat mengenai program pengajian baharu yang ditawarkan oleh IPTA dan institusi lain mulai sesi akademik 2009/2010;
- Mempromosikan IPTA kepada masyarakat umum melalui program yang akan diadakan bersama TPM;
- Memberi peluang kepada seluruh warga IPTA dan KPT untuk mendengar ucapan YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang berkaitan dengan perkembangan universiti;
- Memberi peluang kepada pelajar sekolah, Kolej Komuniti dan Politeknik mendapat manfaat dan informasi terkini hasil daripada karnival pengajian tinggi yang bakal diadakan; dan
- Mempertemukan pemimpin tertinggi negara dengan pihak pengurusan KPT dan IPTA.



# Jadual Pelaksanaan

## Zon 1 (16 – 18 Januari 2009)

WP KL, WP Putrajaya dan Selangor

Forum : Grand Hotel International, Kuala Lumpur

Pameran Pendidikan : Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur (PWTC)

## Zon 2 (30 Januari - 01 Februari 2009)

Kedah dan Perlis

Forum : Putra Palace Hotel, Perlis

Pameran Pendidikan : Dewan 2020, Kangar, Perlis

## Zon 3 (13 – 15 Februari 2009)

Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Forum : Novotel Hotel, Kota Kinabalu, Sabah

Pameran Pendidikan : I Borneo (Shopping Mall), Kota Kinabalu, Sabah

## Zon 4 (27 Februari – 1 Mac 2009)

Pahang, Kelantan dan Terengganu

Forum : Vistana Hotel, Kuantan

Pameran Pendidikan : Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, Pahang

## Zon 5 (13 – 15 Mac 2009)

Melaka dan Negeri Sembilan

Forum : MITC Ancasa Hotel, Melaka

Pameran Pendidikan : MITC, Ayer Keroh, Melaka

## Zon 6 (21 – 23 Mac 2009)

Perak dan Pulau Pinang

Forum : B- Suite Hotel

Pameran Pendidikan : Dewan Utama, USM, Pulau Pinang

## Zon 7 (27 – 29 Mac 2009)

Sarawak

Forum : Merdeka Palace Hotel, Kuching, Sarawak

Pameran Pendidikan : Stadium Perpaduan Petra Jaya, Kuching, Sarawak

## Zon 8 (3 – 5 April 2009)

Johor


Forum : Mutiara Hotel, Johor Bahru, Johor

Pameran Pendidikan : Plaza Angsana, Johor Bahru, Johor

# Sekalung Penghargaan

Universiti Malaysia Pahang (UMP)  
dengan segala sukacitanya merakamkan ucapan  
setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

——  
**Pejabat Timbalan Perdana Menteri Malaysia**  
**Pejabat Menteri Besar Pahang**  
**Pejabat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia**  
**Pejabat Menteri Pelajaran Malaysia**  
**Semua Warga UMP**

——  
dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung  
mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.





Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity

# *Kampus Kuala Pahang*

## Universiti Malaysia Pahang

